



**26 Julai 2018**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Bagi Sawit Langkap Sdn Bhd.**

Sawit Langkap Sdn Bhd telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan Sawit Langkap Sdn Bhd. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 72 pekebun kecil yang diuruskan oleh Sawit Langkap Sdn Bhd.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi Sawit Langkap Sdn Bhd 27 hingga 29 Ogos 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-2:2013 'General Principles for Independent Smallholder'. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh	: 27 Ogos 2018
Masa	: 11.00am – 12.00pm
Lokasi	: Sawit Langkap Sdn Bhd

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.*



Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Sawit Langkap Sdn Bhd</b>	
Nama unit pengurusan	Sawit Langkap Sdn Bhd
Alamat lokasi	Sawit Langkap Sdn Bhd Lot 3799, Jalan Kampar, 36700, Langkap, Perak
Bilangan ahli pekebun kecil	72
Standard yang digunakan	MS 2530-2:2013 Prinsip-prinsip am untuk pekebun kecil persendirian

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di Sawit Langkap Sdn Bhd terdiri daripada:

- i) **En. Mohd Rizal Bin Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial)
- ii) **En. Wan Azlan Mohammad** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar)
- iii) **En. Mohd Johari Bin Kassim** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)



Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini, Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	



TRANS CERTIFICATION INTERNATIONAL SDN. BHD.  
NO. 15 & 17, Ground Floor ICT HUB, Jalan Putra Square 4,  
Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang  
[info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

---

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah Urusan**

Pn. Maniza Mamat  
Trans Certification International Sdn  
Bhd.  
No. 15 & 17, Ground Floor ICT HUB,  
Jalan Putra Square 4, Putra Square,  
25200 Kuantan Pahang.  
Fax: +609-560 9613  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

Mrs. Rosearnida  
  
Research Officer  
Malaysian Palm Oil Board  
No. 6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
Fax : +603-8925 9946  
Email : [rosearnida@mpob.gov.my](mailto:rosearnida@mpob.gov.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Thank you

Maniza binti Mamat  
Managing Director

